



Headline: Tiga sindiket aktif perdaya orang ramai. Jumlah Kerugian daripada 172 kes penipuan-RM4.15j  
Language: Malay  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 22 October 2018

Section: Setempat  
Page: 63

**RM4.15j**

>>Jumlah kerugian  
daripada 172 kes penipuan

22-10-2018

**setempat**

**63**

A

## Tiga sindiket aktif perdaya orang ramai

**Kuala Terengganu:** Sindiket didalangi orang tempatan antara tiga kumpulan dike-  
sakan aktif menjalankan pe-  
nipuan secara dalam talian  
di negeri ini, selain mem-  
babitkan warga Afrika dan  
China.

Ketua Polis Terengganu,  
Datuk Aidi Ismail berkata,  
kegiatan dipelopori terma-  
suk *Macau Scam*, *e-Belian*  
(jualan dalam talian), *Love*  
*Scam* dan *Parcel Scam*, de-  
ngan modus operandi masih  
menerusi panggilan telefon  
dan media sosial.

“Berdasarkan rekod,  
RM4.15 juta kerugian mem-  
babitkan 172 kes dilaporkan  
di seluruh negeri bagi tem-  
poh Januari hingga Septem-  
ber tahun ini.

“Jumlah ini meningkat 28  
peratus berbanding tempoh  
sama, tahun lalu iaitu se-  
kitar 134 kes dengan jumlah  
kerugian RM1.71 juta.

“Daripada kes berkena-  
an, 98 membabitkan pe-  
nipuan *Macau Scam*, *e-Be-  
lian* (37 kes) dan *Love Scam*  
serta *Parcel Scam* ma-  
sing-masing 37 kes,” ka-  
tanya selepas Majlis Serah  
Terima Jawatan Ketua Ja-  
batan Pengurusan Ibu Pe-



**ROSIDI (kiri) menyerahkan dokumen kepada Kamsani sambil disaksikan Aidi (tengah) dalam Majlis Serah Terima Tugas Jawatan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu, semalam.**

jabat Polis Kontinjen Te-  
rengganu di sini, semalam.

Pada majlis itu, Superin-  
tendan Kamsani Hassan  
yang dahulunya Timbalan  
Ketua Polis Daerah Besut di-  
lantik menjadi Ketua Jaba-  
tan Pengurusan Terengganu  
menggantikan Superinten-  
dan Rosdi Shariff yang ber-  
sara wajib semalam.

Aidi berkata, golongan  
yang sering menjadi mangsa

penipuan *Love Scam* adalah  
wanita bujang, manakala  
*Macau Scam* pula terdiri da-  
ri pelbagai latar belan-  
gakang terutama mereka yang  
pernah ada hutang atau bil  
tertunggak.

“Saya nasihatkan orang  
ramai yang terima panggi-  
lan, jangan mudah percaya  
dan panik. Semak dulu ke-  
sahihan panggilan itu de-  
ngan pihak berkenaan.

“Nak tekankan di sini,  
polis tidak membuat pang-  
gilan kepada mana-mana  
orang awam begitu juga de-  
ngan pihak berkuasa lain  
atau bank.

“Jika ada sebarang kes,  
kami hantar surat untuk  
panggil individu berjumpa,  
bukan dengan menelefon  
dan meminta data peribadi  
yang jelas menyalahi un-  
dang-undang,” katanya.